

# Dr. M cadang Asia Timur guna mata wang sendiri

Daripada ZAINI HASSAN

**T**OKYO 2 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan Asia Timur menggunakan mata wang sendiri dengan disokong oleh nilai emas dalam urusan perdagangan.

Semasa berucap selepas dianugerahkan Doktor Kehormat Undang-Undang dari Universiti Keio di sini hari ini, bekas Perdana Menteri itu berkata: "Perdagangan mata wang Asia Timur berasaskan emas adalah lebih stabil berbanding dolar Amerika Syarikat atau Euro, malah dengan Yen sekali pun.

"Jika negara-negara Eropah boleh mempunyai mata wang Eropah sebagai tender sah di semua negara Kesatuan Eropah (EU), pastinya Asia Timur boleh mempunyai satu mata wang bersama, semata-mata untuk tujuan perdagangan antara negara-negara anggota."

Dr. Mahathir dalam ucapan bertajuk *Masyarakat Asia Timur dan Peranan Jepun* berkata, walaupun nilai emas turut mengalami naik dan turun dalam mana-mana mata wang, ia tidaklah begitu besar berbanding nilai wang kertas.

Sebagai contoh, sewaktu krisis kewangan di Asia Timur, rupiah Indonesia jatuh daripada 2,500 rupiah atau 1 dolar AS kepada 16,000 rupiah.

Hari ini, 1 dolar AS sama dengan kira-kira 9,000 rupiah, tetapi nilai emas tidak pernah jatuh begitu besar.

Dr. Mahathir yakin langkah itu boleh meminimumkan kesan kejatuhan dolar AS.

Katanya, hari ini harga barang-barang Jepun menjadi begitu mahal bagi negara-negara ASEAN.

Barang-barang Jepun tidak boleh bersaing dengan barangan AS, apatah lagi dengan keluaran China.

Menyifatkannya sebagai tidak sihat, Dr. Mahathir berkata, keadaan ini berlaku kesan menggunakan dolar AS sebagai mata wang perdagangan dan menilai mata wang lain berbanding dolar AS.

Dr. Mahathir berkata, bila nilai mata wang Asia Timur jatuh akibat percaturan perdagangan mata wang, negara-negara yang terjejas mengalami kemelesetan, tetapi kejatuhan dolar AS berbanding Euro dan Yen, ekonomi AS sebenarnya terus tumbuh.

Keadaan ini berlaku kerana se-

mua harga terutamanya harga minyak adalah dalani dolar AS.

Katanya, dengan simpanan dalam dolar AS di Jepun, China dan negara Asian lain serta penduduk di AS sendiri, negara itu tidak pernah mengalami kekurangan wang untuk pembayaran importnya.

"Disebabkan semua hutang dalam dolar AS dan pembayaran juga dibuat dalam dolar AS, ia tidak memberi kesan kepada negara itu walau pun nilai dolar AS merosot," katanya.

Bekas Perdana Menteri itu juga mencadangkan supaya Jepun bersedia menjadikan Yen sebagai mata wang perdagangan bagi Asia Timur, menggantikan dolar AS.

Dr. Mahathir berkata, banyak perkara yang boleh dilakukan Jepun untuk mewujudkan masyarakat Asia Timur yang berjaya termasuk meningkatkan perdagangan dengan negara di rantau itu.

Ia juga boleh melatih dan meningkatkan tenaga kerja negara anggota, kapasiti teknologi dan perindustrian, membuat pelaburan bersama negara-negara Asia dan memberi syarat-syarat terbaik kepada negara-negara miskin dalam perundingan global.

Katanya, usaha ini akan memberi sumbangan kepada pembangunan Jepun sendiri atas dasar memakmurkan jiran.

Asia Timur yang kaya akan menjadi pasaran terbaik Jepun. Pembabitian Jepun di Asia Timur akan menstabilkan rantau ini dan menyumbang kepada kesejahteraan politik, ekonomi dan spial dunia.

Kepada AS, katanya, negara itu mesti mengekalkan nilai mata wangnya dengan mengurangkan defisit yang besar dan hidup berasaskan kemampuannya.

"Mengambil kesempatan daripada kadar faedah semata-mata adalah tidak mencukupi," katanya.

Esok Dr. Mahathir akan mengambil bahagian dalam sesi perbincangan di Persidangan Antarabangsa Nikkei Ke-10 di sini. Perbincangannya bertajuk *Mengamanahkan Impian kepada Generasi Kemudian Asia*.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula akan menyampaikan ucapama pada persidangan tersebut. — *Utusan*